


# NewspaperSG

## Nama tertera dalam Senarai Kehormatan

Berita Harian, 11 March 2011, Page 25

 Article also available on Microfilm Reel NL31280

Printer-Friendly Page

### Nama tertera dalam Senarai Kehormatan

*Kali pertama pesilat  
diiktiraf Sekolah  
Sukan Singapura*

**SILAT**

Oleh !

**SAPARIN RASIKIN**     *saparin@sph.com.sg*

 Scroll to Top

PENCAPAIAN enam pesilat negara dalam Kejohanan Pencak Silat Dunia 2010 mendapat penghormatan dalam Senarai Kehormatan (*Roll of Honour*) Sekolah Sukan Singapura (SSP).

Mereka ialah Herwan Harrywano, Nurul Shafiqah Mohd Saiful, Nurindah Mursani, Nur Fazlin Jumaen, Nur Shafiqah Sheik Alauddin dan Seri Karmila Abdul Raziz.

Untuk disenaraikan, pelajar atau bekas pelajar SSP hendaklah mewakili negara dalam Sukan Olimpik, memenangi pingat dalam Kejohanan Dunia, Sukan Asia ataupun Sukan Komanwel atau menang pingat emas Sukan SEA.

Sejak diperkenalkan pada 2005, seramai 27 atlit muda negara telah mendapat penghormatan ini tetapi kali pertama buat pesilat.

Pengetua SSP, Deborah Tan, berkata: “Kami sungguh bangga di atas pencapaian para pesilat ini yang turut mengharumkan nama sekolah.

“Diharapkan pencapaian mereka menjadi inspirasi kepada atlit-atlit lain.”

Ketua Pengarah Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alauddin Yacoob, turut bangga dengan penghormatan ke atas para pesilatnya.

“Selepas enam tahun, akhirnya silat mendapat perhatian dan seperti para pesilat dan ibu bapa mereka, Persisi turut bangga dengan pengiktirafan ini,” kata Sheik yang turut hadir dalam majlis ringkas kelmarin.

“Ia menjadi bukti tentang sumbangan silat dalam arena sukan negara dan saya yakin pencapaian enam pesilat ini akan menjadi inspirasi kepada para pelajar SSP, terutama sekali di kalangan pesilat, pada masa depan.”

“Saya percaya dengan terteranya nama enam pesilat ini, ia juga bakal menarik perhatian para pelawat ke SSP nanti,” tambahnya.

Herwan, 16 tahun, pemenang pingat perak acara tanding kelas C Kejohanan Dunia di Indonesia Disember lalu, berkata: “Pengiktirafan ini sesuatu yang membanggakan bukan sahaja bagi diri saya, bahkan sukan silat.

“Ia menunjukkan atlit daripada sukan tradisi ini masih mempunyai tempat di kalangan atlit-atlit terkemuka jika kita sanggup bekerja keras dan mencapai kejayaan yang tinggi.”

Pelajar jurusan Diploma Pengurusan Sukan dan Santai (Diploma in Sports and Leisure Management) yang dikendalikan bersama oleh SSP dan Politeknik Republik itu menyifatkan pengiktirafan ini menyemarakkan lagi semangat untuk terus meningkatkan prestasi silatnya.

Kini Herwan sedang mempersiapkan diri bagi menghadapi Kejohanan Pencak Silat Sijori di sini minggu depan dan Sukan SEA Indonesia pada November ini.

Nurul Shafiqah, yang memenangi pingat gangsa kelas B, berkata: “Pengiktirafan ini bukan saja sesuatu yang membanggakan, malah menjadi inspirasi untuk meningkatkan prestasi.”

Nur Fazlin, pemenang dua pingat gangsa acara seni ganda dan regu wanita, berkata beliau tidak menjangka menerima pengiktirafan ini dan bersyukur minatnya dalam sukan silat ini membawa ganjaran.

“Tidak semua atlit dapat pengiktirafan serupa ini,” kata Fazlin, 18 tahun, yang kini menuntut di Politeknik Singapura.

Beliau memenangi pingat gangsa ganda bersama Seri Karmila, sementara Nur Shafiqah memenangi dua pingat gangsa menerusi acara seni regu dan acara tanding.

Selepas enam tahun, akhirnya silat mendapat perhatian dan seperti para pesilat dan ibu bapa mereka, Persisi turut bangga dengan pengiktirafan ini. Ia menjadi bukti tentang sumbangan silat dalam arena sukan negara dan saya yakin pencapaian enam pesilat ini akan menjadi inspirasi kepada para pelajar SSP, terutama sekali di kalangan pesilat, pada masa depan.

– **Sheik Alauddin Yacoob, Ketua Pengarah Eksekutif Persisi.**



**PENGIKTIRAFAN BUAT PESILAT:** Pengetua SSP, Deborah Tan (*kanan*), dan (*dari kiri*) Pengarah Sukan SSP, Dr Irwin See, Ketua Pengarah Eksekutif Persisi, Sheik Alaudin Yacob, bersama enam pesilat – Nur Shafiq, Nur Fazlin, Seri Karmila, Nurul Shafiqah, Nurindah, Herwan – serta jurulatih silat nasional, Sheik Harun Md Rafik, bergambar selepas upacara kelmarin. – Foto SEKOLAH SUKAN SINGAPURA

**Foto SEKOLAH SUKAN SINGAPURA**